



Utusan Malaysia - PMO Ketuai Rundingan Wanda Group

🕒 Ahad, Mei 14 2017



PMO ketuai rundingan Wanda Group

Oleh FADZIL ZAINOL
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 14 MEI**

DUNDINGAN bersama sya-

perbincangan dan beliau meng-
harapkan syarat dan terma yang
boleh diterima oleh kedua-dua
pihak dapat dicapai.

Sementara itu katanya, mi-
nat oleh syarikat-syarikat China

Karikat pemaju hartanah terbesar China, Wanda Group yang menunjukkan minat untuk terlibat dalam pembangunan Bandar Malaysia akan dikendalikan oleh Pejabat Perdana Menteri (PMO) dan Lembaga Pengarah 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) kementerianannya, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah yang juga Pengerusi 1MDB akan terlibat dalam rundingan itu bagi menerokai prospek pembangunan projek Bandar Malaysia yang dianggarkan bernilai lebih AS\$10 bilion (RM43 bilion).

"Rundingan ini akan dilakukan oleh PMO dan KSP. Segala maklumat rundingan ini perlu diperoleh daripada mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semasa mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam, Jialin Wang yang

datuk dari syarikat-syarikat China untuk melabur di negara ini termasuk Bandar Malaysia bukan sesuatu yang pelik memandangkan China kini merupakan kuasa ekonomi terbesar Asia dan pastinya giat meluaskan pelaburannya di pasaran asing.



JOHARI ABDUL GHANI

Di samping itu Pensyarah Pusat Pengajian Antarabangsa Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Mohamad Faisol Keling berkata, China pada masa ini mengulangi apa yang dilakukan oleh Jepun ketika menjadi kuasa ekonomi Asia dengan meluaskan pelaburan di seluruh rantau Asia Pasifik.

Katanya, dalam pembangunan Bandar Malaysia, apa yang perlu dititikberatkan ialah pemindahan teknologi daripada syarikat-syarikat China ke negara ini agar pelaburan yang dilakukan memberi impak yang besar.

"Kajian secara holistik dan mikro perlu dilakukan sebelum perjanjian berhubung Bandar Malaysia dimeterai. Pemindahan teknologi yang selama ini

memiliki Wanda Group menyatakan minatnya untuk terlibat dalam pembangunan Bandar Malaysia.

Menurut Perdana Menteri yang sedang mengadakan lawatan kerja ke China, setakat ini, belum ada perincian yang dicapai tetapi Wanda Group telah menunjukkan minat dan kesediaannya untuk mengadakan

diaksanakan oleh negara perlu dipertingkatkan ketika membuka peluang kepada syarikat luar untuk membangunkan Malaysia," katanya.

Jelas Mohamad Faisol, Malaysia tidak boleh menolak kerjasama ekonomi dengan China kerana Amerika Syarikat sendiri mengakui negara itu telah mengatasi Jepun sebagai kuasa ekonomi Asia.



**Pekeliling
Perbendaharaan**

 **Undian**

 BISNES  AGENSI  WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **23 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**